

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
TERENGGANU,
KUALA TERENGGANU.**

Bil. (27) dlm. PTG.TR. 13/66/1 Jld. 2

K.Terengganu: 12hb.Jun, 1983.
Bersamaan: 1hb. Ramadhan, 1403.

Pemungut Hasil Tanah, Kuala Terengganu.
Pemungut Hasil Tanah, Besut.
Pemungut Hasil Tanah, Kemaman.
Pemungut Hasil Tanah, Dungun.
Pemungut Hasil Tanah, Hulu Terengganu.
Pemungut Hasil Tanah, Marang.

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, TERENGGANU BIL. 7/1983.

Penghantaran Borang 5 Ke Pejabat Penilaian Dan Perkhidmatan Harta Negeri, Terengganu.

Arahan ini dikeluarkan untuk menarik perhatian semua Pemungut-pemungut Hasil Tanah berkaitan dengan penilaian harga tanah untuk tujuan mengenakan cukai-cukai setem bagi sesuatu Mukim di atas semua suratcara-suratcara dan terutamanya sekali bagi urusniaga-urusniaga pindahmilik tanah.

2. Seperti yang termaklum boleh dikatakan sebahagian besar penilaian cukai-cukai setem sedang dibuat oleh Pejabat Penilaian dan Perkhidmatan Harta Negeri, Terengganu. Akan tetapi oleh kerana pejabat ini letaknya di Kuala Terengganu, maka amalan yang dijalankan sekarang memberi kuasa kepada Pemungut Hasil Tanah membuat taksiran bagi suratcara-suratcara urusniaga pindahmilik di daerah masing-masing masih lagi dibenarkan. Penilaian yang dibuat oleh Pemungut Hasil Tanah ini kadang kala menimbulkan kesamaran dan masalah terutama sekali semasa hendak membuat pertimbangan pembayaran pampasan pengambilan balik tanah taksiran yang dibuat oleh Pemungut Hasil Tanah jauh berbeza dengan taksiran harga yang dibuat oleh Pejabat Penilaian dan Perkhidmatan Harta Negeri, Terengganu. Adapun tujuan memberi kuasa kepada Pemungut Hasil Tanah membuat taksirannya sendiri bagi setengah-setengah Mukim yang tertentu itu ialah untuk memberi kemudahan kepada pemindah milik/ di daerah-daerah untuk mempercepatkan urusan pendaftaran.

3. Bagi mengseragamkan penilaian dan pengenaan cukai-cukai setem di atas suratcara-suratcara urusniaga pindahmilik tanah dan juga untuk pertimbangan bayaran pampasan pengambilan balik tanah, adalah diputuskan mulai dari tarikh dikeluarkan arahan ini, maka semua Pemungut-pemungut Hasil Tanah hendaklah menghantarkan Borang Penilaian Cukai Setem (Borang 5) yang dikembangkan bersama dengan Borang Pindahmilik Tanah (Borang 14A) ke Pejabat Penilaian dan Perkhidmatan Harta Negeri, Terengganu dengan seberapa segera dan kalau dapat pada tiap-tiap hari agar Jabatan Penilaian mendapat maklumat yang terakhir mengenai dengan cukai-cukai setem di atas suratcara-suratcara pindahmilik tanah yang ditaksirkan oleh Pejabat-Pejabat Tanah.

Sekian.

' BERKHIDMAT UNTUK NEGARA '

(DATO' LELA JASA)
Pengarah Tanah dan Galian.
Terengganu.